



25 Mac 2014
25 March 2014
P.U. (A) 80

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN BANK NEGARA MALAYSIA
(PELAKSANAAN KETETAPAN-KETETAPAN MAJLIS
KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU YANG
BERHUBUNGAN DENGAN REPUBLIK
DEMOKRATIK CONGO) 2014

*CENTRAL BANK OF MALAYSIA (IMPLEMENTATION OF THE
UNITED NATIONS SECURITY COUNCIL RESOLUTIONS
RELATING TO THE DEMOCRATIC REPUBLIC OF CONGO)
REGULATIONS 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANK NEGARA MALAYSIA 2009

PERATURAN-PERATURAN BANK NEGARA MALAYSIA (PELAKSANAAN
KETETAPAN-KETETAPAN MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU
YANG BERHUBUNGAN DENGAN REPUBLIK DEMOKRATIK CONGO) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 82 Akta Bank Negara Malaysia 2009 [*Akta 701*], Bank Negara Malaysia, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Bank Negara Malaysia (Pelaksanaan Ketetapan-Ketetapan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berhubungan dengan Republik Demokratik Congo) 2014.**

Matlamat

2. Matlamat Peraturan-Peraturan ini adalah untuk melaksanakan langkah-langkah yang diputuskan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu menurut Perkara 41 Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memberi kesan kepada pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi yang berhubungan dengan Republik Demokratik Congo dan perkara lain yang berkaitan.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“institusi kewangan” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan dalam subseksyen 2(1) Akta;

“Jawatankuasa Majlis Keselamatan” ertinya Jawatankuasa Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditubuhkan menurut perenggan 8 Ketetapan 1533 (2004);

“Ketetapan” ertinya Ketetapan 1596 (2005), 1649 (2005), 1698 (2006), 1768 (2007), 1771 (2007), 1799 (2008), 1807 (2008), 1857 (2008), 1896 (2009), 1952 (2010), 2021 (2011) dan 2078 (2012) Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu;

“Majlis Keselamatan” ertinya Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditubuhkan di bawah Perkara 7 Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu;

“orang yang ditentukan” ertinya individu atau entiti sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan 4;

Orang yang ditentukan

4. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, orang yang ditentukan ialah individu atau entiti yang dikenal pasti oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu atau Jawatankuasa Majlis Keselamatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi atas orang yang ditentukan

5. (1) Suatu institusi kewangan hendaklah—

(a) membekukan apa-apa dana, aset kewangan atau sumber ekonomi yang dimiliki atau dikawal, sama ada secara langsung atau tidak langsung, oleh—

(i) orang yang ditentukan; atau

(ii) entiti yang dimiliki atau dikawal, sama ada secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana orang yang bertindak bagi pihak, atau atas arahan, mana-mana orang yang ditentukan; dan

(b) memastikan bahawa tiada dana, aset kewangan atau sumber ekonomi disediakan oleh mana-mana orang kepada atau bagi faedah orang yang diperuntukkan di bawah perenggan (1)(a).

(2) Pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi sebagaimana yang disebut dalam subperaturan (1) tidak terpakai bagi pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi yang telah ditentukan oleh Bank, melalui notis bertulis, sebagai perlu—

- (a) bagi bayaran perbelanjaan asas, termasuk apa-apa bayaran bagi bahan makanan, sewa atau gadaian, ubat dan rawatan perubatan, cukai, premium insurans dan caj utiliti awam;
- (b) bagi bayaran fi profesional yang munasabah dan pembayaran balik bagi perbelanjaan yang ditanggung berkaitan dengan peruntukan perkhidmatan guaman;
- (c) bagi bayaran fi atau caj perkhidmatan mengikut undang-undang bertulis;
- (d) bagi bayaran pemegangan atau penyenggaraan lazim ke atas dana, aset kewangan atau sumber ekonomi yang dibekukan;
- (e) bagi bayaran apa-apa perbelanjaan luar biasa yang diluluskan oleh Jawatankuasa Majlis Keselamatan; atau
- (f) dalam perkara mana-mana proses kehakiman atau pentadbiran, atau timbang tara lien atau penghakiman, yang dalam hal sedemikian dana, aset kewangan atau sumber ekonomi itu boleh digunakan untuk memenuhi lien atau penghakiman itu, dengan syarat lien atau penghakiman itu—
 - (i) telah dibuat sebelum 18 April 2005; dan
 - (ii) bukan bagi faedah orang yang ditentukan.

Larangan memberi bantuan kewangan, nasihat atau latihan

6. Tiada institusi kewangan boleh memberi atau menyediakan apa-apa bantuan kewangan, nasihat atau latihan kepada mana-mana entiti bukan kerajaan atau individu yang beroperasi di wilayah Republik Demokratik Congo.

Kewajipan untuk memberi maklumat

7. Suatu institusi kewangan yang—

(a) telah membekukan apa-apa dana, aset kewangan atau sumber ekonomi di bawah subperaturan 5(1); atau

(b) mempunyai maklumat tentang apa-apa transaksi atau transaksi yang dicadangkan atau apa-apa perbuatan atau benda yang dilarang oleh Peraturan-Peraturan ini,

hendaklah dengan serta-merta memaklumkan Bank mengenai fakta atau maklumat tersebut, dan memberi maklumat yang selanjutnya yang berhubungan dengan dana, aset kewangan, sumber ekonomi, transaksi, transaksi yang dicadangkan, perbuatan atau benda sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank.

Kesalahan

8. Mana-mana institusi kewangan, individu atau entiti yang tidak mematuhi Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 82(4) Akta.

Pembatalan

9. Peraturan-Peraturan Bank Negara Malaysia (Pelaksanaan Ketetapan-Ketetapan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu 1596 (2005), 1649 (2005), 1698 (2006), 1768 (2007), 1771 (2007), 1799 (2008), 1807 (2008), 1857 (2008), 1896 (2009), 1952 (2010) dan 2021 (2011) yang berhubungan dengan Republik Demokratik Congo) 2012 [*P.U. (A) 215/2012*] adalah dibatalkan.

JADUAL

[Peraturan 4]

Senarai orang yang ditentukan¹

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
BADEGE	Eric		1971		Mengikut laporan akhir Kumpulan Pakar mengenai Republik Demokratik Congo pada 15 November 2012, "...Lt. Kol. Eric Badege menjadi titik tumpuan bagi M23 di Masisi dan mengetuai gerakan bersama..." dengan pemimpin tentera yang lain. Selain itu, "suatu siri serangan terselaras telah dilancarkan pada Ogos [2012] oleh Lt. Kol. Badege... yang membolehkan M23 menjadikan sebahagian besar wilayah Masisi menjadi tidak stabil." "Menurut

¹ Berdasarkan *List of Individuals and Entities Subject to the Measures Imposed by Paragraphs 13 and 15 of Security Council Resolution 1596 (2005), As Renewed By Paragraph 3 of Resolution 2078 (2012)*, yang terakhir dikemas kini oleh PBB pada 12 April 2013. Pembekuan aset dan larangan perjalanan pada asalnya telah dikenakan oleh perenggan 13 dan 15 ketetapan Majlis Keselamatan 1596 (2005), kemudiannya diperbaharui dan/atau dipinda oleh ketetapan-ketetapan 1649 (2005), 1698 (2006), 1768 (2007), 1771 (2007), 1799 (2008), 1807 (2008), 1857 (2008), 1896 (2009), 1952 (2010), 2021 (2011), dan ketetapan 2078 (2012). Kriteria bagi penyenaian adalah terkandung dalam perenggan 4 ketetapan 2078 (2012).

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
					<p>bekas askar tempur, Lt. Kol. Badege...bertindak di bawah arahan Kol. Makenga apabila dia merancang serangan itu.</p> <p>Sebagai komander tentera M23, Badege bertanggungjawab terhadap pelanggaran serius yang melibatkan kanak-kanak atau wanita sebagai sasaran dalam situasi konflik bersenjata. Mengikut laporan Kumpulan Pakar pada November 2012, terdapat beberapa peristiwa besar pembunuhan beramai-ramai orang awam, termasuklah wanita dan kanak-kanak. Sejak Mei 2012 Raia Mutomboki, di bawah perintah M23, telah membunuh beratus orang awam dalam suatu siri serangan terselaras. Dalam bulan Ogos, Badege melancarkan serangan bersama yang melibatkan pembunuhan beramai-ramai orang awam. Laporan Kumpulan Pakar pada November menyatakan bahawa serangan itu telah dirancang secara</p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
					<p>bersama oleh Badege dan Kolonel Makoma Semivumbi Jacques. Mengikut Laporan Kumpulan Pakar, pemimpin tempatan dari Masisi menyatakan bahawa Badege telah memerintahkan serangan Raia Mutomboki di darat.</p> <p>Mengikut artikel Radio Okapi pada 28 Julai 2012, "pentadbir Masisi mengumumkan pada Sabtu ini, 28 Julai, komander Batalion Kedua Regimen 410 FARDC pangkalan Nyabiondo, lebih kurang tiga puluh kilometer barat laut Goma di Kivu Utara telah berpaling tadah. Menurutnya, Kolonel Eric Badege dan lebih daripada seratus tentera telah bergerak pada hari Jumaat ke Rubaya, 80 kilometer utara Nabiondo. Maklumat ini telah disahkan oleh beberapa sumber."</p> <p>Mengikut artikel BBC pada 23 November 2012, M23 telah dibentuk apabila bekas anggota</p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
					<p><i>CNDP</i> yang diserapkan dalam <i>FARDC</i> mula membantah terhadap layanan buruk dan gaji yang teruk, dan pelaksanaan perjanjian damai yang tidak sepenuhnya antara <i>CNDP</i> dengan <i>DRC</i> pada 23 Mac 2009, yang mana perjanjian itu membawa kepada penggabungan <i>CNDP</i> ke dalam <i>FARDC</i>.</p> <p>M23 telah terlibat secara aktif dalam operasi ketenteraan untuk mengambil alih kawalan wilayah di bahagian timur <i>DRC</i>, mengikut laporan IPIS pada November 2012. M23 dan <i>FARDC</i> bertempur bagi mendapat kawalan beberapa bandar dan kampung di bahagian timur <i>DRC</i> pada 24 Julai dan 25 Julai 2012; M23 telah menyerang <i>FARDC</i> di Rumangabo pada 26 Julai 2012; M23 telah menyingkirkan <i>FARDC</i> dari Kibumba pada 17 November 2012; dan M23 mengambil alih kawalan ke atas Goma pada 20 November 2012.</p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
					<p>Mengikut laporan Kumpulan Pakar pada November 2012, beberapa bekas askar tempur M23 mendakwa bahawa pemimpin M23 telah membunuh berdozen-dozen kanak-kanak yang cuba melarikan diri setelah direkrut sebagai askar kanak-kanak M23.</p> <p>Mengikut laporan Pemerhati Hak-Hak Kemanusiaan (HRW) pada 11 September 2012, seorang lelaki Rwanda, 18, yang dapat melarikan diri setelah direkrut secara paksa di Rwanda memberitahu HRW yang dia menyaksikan pembunuhan seorang budak lelaki berumur 16 tahun dari unit M23nya yang cuba untuk melarikan diri pada bulan Jun. Budak lelaki itu telah ditangkap dan dipukul sehingga mati oleh pejuang-pejuang M23 di hadapan rekrut yang lain. Seorang komander M23 yang mengarahkan pembunuhan budak lelaki itu didakwa kemudiannya memberitahu</p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
					<p>rekrut yang lain "dia mahu meninggalkan kita," sebagai penjelasan kenapa budak itu dibunuh. Laporan juga menyatakan bahawa saksi-saksi mendakwa bahawa sekurang-kurangnya 33 rekrut baru dan pejuang M23 yang lain telah dibunuh apabila mereka cuba untuk melarikan diri. Beberapa orang daripada mereka telah diikat dan ditembak di hadapan rekrut yang lain sebagai peringatan hukuman yang akan diterima oleh mereka. Seorang rekrut muda memberitahu HRW, "semasa kami dalam M23, mereka kata [kami mempunyai pilihan] dan boleh tinggal dengan mereka atau kami boleh mati. Ramai orang cuba untuk melarikan diri. Sebahagian mereka dijumpai dan kemudiannya mereka didapati mati."</p>
BWAMBALE	Frank Kakolele	Frank Kakorere		Rakyat Congo	Bekas pemimpin <i>RCD-ML</i> , yang menggunakan pengaruh ke atas dasar dan masih berkuasa dalam

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
		Frank Kakorere Bwambale		<p>Jeneral <i>FARDC</i>, tanpa penempatan kerja setakat Jun 2011.</p> <p>Meninggalkan <i>CNDP</i> pada Januari 2008. Setakat Jun 2011 tinggal di Kinshasa.</p> <p>Sejak tahun 2010, Kakolele terlibat dalam aktiviti, kelihatannya bagi pihak kerajaan <i>DRC Programme de Stabilisation et Reconstruction des Zones Sortant des Conflits Armés</i></p>	memerintah dan mengawal aktiviti angkatan tentera <i>RCD-ML</i> , salah satu kumpulan bersenjata dan ketenteraan yang disebut dalam perenggan 20 Ketetapan 1493 (2003), bertanggungjawab bagi pengedaran senjata, yang melanggar embargo senjata.

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
				<i>(STAREC)</i> , termasuk penyertaan dalam suatu misi <i>STAREC</i> ke Goma dan Beni pada Mac 2011.	
IYAMUREMYE	Gaston	Rumuli Byiringiro Victor Rumuli Victor Rumuri Michel Byiringiro	1948 Daerah Musanze (Wilayah Utara), Rwanda Ruhengeri, Rwanda	Orang Rwanda Presiden <i>FDLR</i> dan Naib Presiden Kedua <i>FDLR-FOCA</i> . Setakat Jun 2011, berpangkalan di Kalonge, Wilayah Kivu Utara. Brigadier Jeneral	Mengikut pelbagai sumber, termasuk Jawatankuasa Sekatan Kumpulan Pakar <i>UNSC DRC</i> , Gaston Iyamuremye ialah naib presiden kedua <i>FDLR</i> dan dianggap sebagai anggota teras kepada ketenteraan <i>FDLR</i> dan kepimpinan politik. Gaston Iyamuremye juga menguruskan pejabat Ignace Murwanashyaka (Presiden <i>FDLR</i>) di Kibua, <i>DRC</i> sehingga Disember 2009.
KAINA	Innocent	Colonel Innocent KAINA "India Queen"	Bunagana, wilayah Ruthshuru, DRC		Innocent Kaina pada masa ini seorang komander Sektor di <i>Mouvement du 23 Mars (M23)</i> . Dia bertanggungjawab dan telah

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
					<p>melakukan pelanggaran serius undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia. Pada Julai 2007 Tribunal Tentera Garrison di Kinshasa mendapati Kaina bertanggungjawab bagi jenayah terhadap kemanusiaan yang dilakukan di Daerah Ituri, antara bulan Mei 2003 dan Disember 2005. Dia telah dilepaskan dalam tahun 2009 sebagai sebahagian daripada perjanjian damai antara Kerajaan Congo dengan <i>CNDP</i>. Dalam <i>FARDC</i> pada 2009, dia telah didapati bersalah kerana membunuh, menculik dan mencacat di wilayah Masisi. Sebagai Komander di bawah perintah Jeneral Ntaganda, dia memulakan pemberontakan bekas anggota <i>CNDP</i> di wilayah Rutshuru pada April 2012. Dia memastikan keselamatan pemberontak keluar dari Masisi. Antara Mei dan Ogos 2012, dia menyelia perekrutan dan latihan ke atas 150 kanak-kanak bagi pemberontakan M23, menembak</p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
					budak-budak lelaki yang cuba untuk melarikan diri. Pada Julai 2012 dia telah pergi ke Berunda dan Degho bagi aktiviti pengambilan dan perekrutan bagi M23.
KAKWAVU BUKANDE	Jérôme	Jérôme Kakwavu Commandant Jérôme	Goma	Rakyat Congo Diberikan pangkat Jeneral dalam FARDC pada Disember 2004. Setakat Jun 2011, ditahan di Penjara Makala di Kinshasa. Pada 25 Mac 2011, Mahkamah Tinggi Tentera di Kinshasa telah memulakan perbincangan terhadap Kakwavu bagi	Bekas Presiden UCD/FAPC. FAPC mempunyai kawalan ke atas pos sempadan haram di antara Uganda dan DRC – laluan persinggahan utama bagi aliran senjata. Sebagai Presiden FAPC, dia mempunyai pengaruh ke atas dasar dan masih berkuasa dalam memerintah dan mengawal aktiviti angkatan tentera FAPC, yang terlibat dalam pengedaran senjata, dan kemudiannya, melanggar embargo senjata. Mengikut Pejabat SRSG bagi Kanak-Kanak dan Konflik Bersenjata, dia bertanggungjawab bagi perekrutan dan penggunaan kanak-kanak di Ituri pada 2002.

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
				jenayah perang.	Salah seorang daripada lima pegawai kanan <i>FARDC</i> yang telah dituduh atas jenayah berat yang melibatkan keganasan berunsur seksual yang kesnya telah dibawa oleh Majlis Keselamatan kepada perhatian Kerajaan semasa lawatan mereka pada 2009.
KATANGA	Germain			Rakyat Congo Dilantik sebagai Jeneral dalam <i>FARDC</i> pada Disember 2004. Kerajaan <i>DRC</i> telah menyerahkan beliau kepada Mahkamah Jenayah Antarabangsa pada 18 Oktober 2007.	Ketua <i>FRPI</i> . Terlibat dalam pemindahan senjata, yang melanggar embargo senjata. Mengikut Pejabat <i>SRSB</i> bagi Kanak-Kanak dan Konflik Bersenjata, dia bertanggungjawab bagi perekrutan dan penggunaan kanak-kanak di Ituri dari 2002 hingga 2003.

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
				Perbicaraannya telah bermula pada November 2009.	
LUBANGA	Thomas		Ituri	<p>Rakyat Congo</p> <p>Ditahan di Kinshasa pada Mac 2005 kerana penglibatan <i>UPC/L</i> dalam pelanggaran hak asasi manusia.</p> <p>Dipindahkan ke <i>ICC</i> oleh <i>DRC</i> pada 17 Mac 2006</p> <p>Perbicaraannya telah bermula pada Januari 2009 dan dijangka tamat pada 2011.</p>	<p>Presiden <i>UPC/L</i>, salah satu kumpulan bersenjata dan ketenteraan yang disebut dalam perenggan 20 Ketetapan 1493 (2003), terlibat dalam pengedaran senjata, yang melanggar embargo senjata.</p> <p>Mengikut Pejabat <i>SRSB</i> bagi Kanak-Kanak dan Konflik Bersenjata, dia bertanggungjawab bagi perekrutan dan penggunaan kanak-kanak di Ituri dari 2002 hingga 2003.</p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
				Disabitkan oleh ICC pada Mac 2012 dan dihukum 14 tahun penjara. Telah merayu keputusan mahkamah.	
MAKENGA	Sultani	MAKENGA, Colonel SULTANI MAKENGA, EMMANUEL SULTANI	25 Disember 1973/Rutshuru, DRC	Rakyat Congo Pemimpin tentera <i>Mouvement du 23 Mars</i> (M23) kumpulan yang beroperasi di Republik Demokratik Congo (DRC).	Sultani Makenga ialah seorang pemimpin tentera <i>Mouvement du 23 Mars</i> (M23) kumpulan yang beroperasi di Republik Demokratik Congo (DRC). Sebagai pemimpin M23 (juga dikenali sebagai Tentera Revolusi Congo), Sultani Makenga telah melakukan dan bertanggungjawab bagi pelanggaran serius yang melibatkan wanita dan kanak-kanak sebagai sasaran dalam situasi konflik bersenjata, termasuk pembunuhan dan pencacatan, keganasan seksual, penculikan, dan pemindahan

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
					<p>paksaan. Dia juga bertanggungjawab bagi pelanggaran undang-undang antarabangsa berkaitan dengan tindakan M23 dalam merekrut atau menggunakan kanak-kanak dalam konflik bersenjata di <i>DRC</i>. Di bawah arahan Sultani Makenga, M23 telah melancarkan kekejaman dahsyat terhadap penduduk <i>DRC</i>. Mengikut testimoni dan laporan, tentera yang beroperasi di bawah arahan Sultan Makenga telah melakukan rogol di seluruh wilayah Rutshuru terhadap wanita dan kanak-kanak, sebahagian mereka semuda 8 tahun, sebagai sebahagian daripada polisi untuk menyatukan kawalan di wilayah Rutshuru. Di bawah arahan Makenga, M23 telah menjalankan kempen perekrutan paksa berleluasa ke atas kanak-kanak di <i>DRC</i> dan rantau ini, di samping sebahagian besarnya telah membunuh, mencatitkan dan mencederakan kanak-kanak. Kebanyakan kanak-kanak yang dipaksa adalah di bawah</p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
					<p>umur 15 tahun. Makenga juga dilaporkan sebagai penerima senjata dan <i>materiel</i> berkaitan yang melanggar langkah-langkah yang diambil oleh <i>DRC</i> untuk melaksanakan embargo senjata, termasuklah ordinan domestik mengenai pengimportan dan pemilikan senjata dan material berkaitan. Tindakan Makenga sebagai pemimpin M23 adalah pelanggaran serius undang-undang antarabangsa dan kekejaman terhadap penduduk awam <i>DRC</i>, dan telah memburukkan keadaan yang tidak selamat, pemindahan paksa dan konflik di rantau ini.</p>
MANDRO	Khawa Panga	<p>Kawa Panga</p> <p>Kawa Panga Mandro</p> <p>Kawa Mandro</p>	20 Ogos 1973, Bunia	<p>Rakyat Congo</p> <p>Ditahan dalam penjara di Bunia pada April 2005 kerana mensabotaj proses</p>	<p>Bekas Presiden <i>PUSIC</i>, salah satu kumpulan bersenjata dan ketenteraan yang disebut dalam perenggan 20 Ketetapan 1493 (2003) yang terlibat dalam pengedaran senjata yang melanggar embargo senjata.</p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
		<p>Yves Andoul Karim</p> <p>Mandro Panga Kahwa</p> <p>Yves Khawa Panga Mandro</p> <p>“Chief Kahwa” “Kawa”</p>		<p>keamanan di Ituri.</p> <p>Ditahan oleh pihak berkuasa Congo pada Oktober 2005, dibebaskan oleh Mahkamah Rayuan di Kisangani, seterusnya dipindahkan kepada pihak berkuasa kehakiman Kinshasa atas tuduhan baru bagi jenayah terhadap kemanusiaan, jenayah perang, pembunuhan, amang dan serang sentuh yang teruk</p>	<p>Mengikut Pejabat <i>SRS</i> bagi Kanak-Kanak dan Konflik Bersenjata, dia bertanggungjawab bagi perekrutan dan penggunaan kanak-kanak dari 2001 hingga 2002.</p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
				Setakat Jun 2011, ditahan di Penjara Pusat Makala, Kinshasa	
MBARUSHIMANA	Callixte		24 Julai 1963, Ndsu/ Ruhengeri Wilayah Utara, Rwanda	Rakyat Rwanda Ditahan di Paris pada 3 Oktober 2010 di bawah waran ICC bagi jenayah perang dan jenayah terhadap kemanusiaan yang dilakukan oleh tentera FDLR di Kivus pada 2009 dan dipindahkan ke The Hague pada 25 Januari 2011.	Setiausaha Eksekutif FDLR dan Naib Presiden kumpulan pemerintah tertinggi tentera FDLR sehinggalah penangkapannya. Pemimpin politik/tentera suatu kumpulan tentera asing yang beroperasi di Republik Demokratik Congo, mengganggu proses pelucutan senjata dan penghantaran balik secara sukarela askar tempur, seperti dalam ketetapan Majlis Keselamatan 1857(2008) OP 4 (b).

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
MPAMO	Iruta Douglas	Mpano Douglas Iruta Mpamo	28 Disember 1965, Bashali, Masisi 29 Disember 1965, Goma, DRC (dahulu dikenali sebagai Zaire) Uvira	Rakyat Congo Setakat Jun 2011, tinggal di Gisenyi, Rwanda. Tidak mempunyai pekerjaan semenjak dua kapal terbang yang diuruskan oleh <i>Great Lakes Business Company (GLBC)</i> jatuh terhempas.	Pemilik/Pengurus <i>Compagnie Aérienne des Grands Lacs dan Great Lakes Business Company</i> , yang kapal terbang syarikat itu telah digunakan bagi memberi bantuan kepada kumpulan bersenjata dan tentera seperti yang disebut dalam perenggan 20 Ketetapan 1493 (2003). Juga bertanggungjawab kerana menyembunyikan maklumat tentang kapal terbang dan kargo yang dengan nyata membenarkan pelanggaran embargo senjata.
MUDACUMURA	Sylvestre	Dikenali sebagai: "Radja" "Mupenzi Bernard"		Rakyat Rwanda Komander tentera <i>FDLR-FOCA</i> , juga Naib Presiden Pertama politik dan ketua <i>FOCA High</i>	Komander <i>FDLR</i> , menggunakan pengaruh ke atas dasar, dan mengekalkan pemerintahan dan kawalan aktiviti angkatan tentera <i>FDLR</i> , salah satu kumpulan bersenjata dan tentera yang disebut dalam perenggan 20 Ketetapan 1493 (2003), terlibat dalam pengedaran

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
		<p>"General Major Mupenzi"</p> <p>"General Mudacumura"</p>		<p><i>Command</i>, yang menggabungkan keseluruhan fungsi tentera dan politik sejak penahanan pemimpin <i>FDLR</i> di Eropah.</p> <p>Setakat Jun 2011, berpangkalan di hutan Kikoma, berhampiran Bogoyi, Walikale, Kivu Utara.</p>	<p>senjata, yang melanggar embargo senjata.</p> <p>Mudacumura (atau kakitangan) terlibat dalam komunikasi telefon dengan Murwanashyaka, pemimpin <i>FDLR</i> di Jerman, termasuk pada masa pembunuhan beramai-ramai di Busurungi pada Mei 2009 dan Major Guillaume, komander tentera semasa Operasi Umoja Wetu dan Kimia II pada 2009.</p> <p>Mengikut Pejabat <i>SRSB</i> bagi Kanak-Kanak dan Konflik Bersenjata, dia bertanggungjawab bagi 27 kes perekrutan dan penggunaan kanak-kanak oleh askar di bawah kepimpinannya di Kivu Utara dari 2002 hingga 2007.</p>
MUGARAGU	Leodomir	<p>Manzi Leon</p> <p>Leo Manzi</p>	<p>1954</p> <p>1953</p> <p>Kigali, Rwanda</p>	<p>Rakyat Rwanda</p> <p>Ketua Staf, <i>FDLR-FOCA</i>, yang bertanggung-</p>	<p>Mengikut sumber terbuka dan laporan rasmi, Leodomir Mugaragu merupakan Ketua Staf <i>Forces Combattantes Abucunguzi/Combatant Force for the Liberation of</i></p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
			Rushashi (Wilayah Utara), Rwanda	jawab bagi pentadbiran Setakat Jun 2011, berpangkalan di ibu pejabat <i>FDLR</i> di hutan Kikoma, Bogoyi, Walikale, Kivu Utara.	<i>Rwanda (FOCA)</i> , sayap bersenjata <i>FDLR</i> . Mengikut laporan rasmi Mugaragu ialah perancang kanan bagi operasi ketenteraan <i>FDLR</i> di timur <i>DRC</i> .
MUKULU	Jamil	Profesor Musharaf; Steven Alirabaki; David Kyagulanyi; Musezi Talengelanimiro; Mzee Tutu;	1965 Tarikh lahir alternatif: 1 Januari, 1964 Kampung Ntoke, Wilayah Kecil Ntenjeru, Daerah Kayunga, Uganda	Gelaran: Ketua <i>Allied Democaratic Forces (ADF)</i> Gelaran Alternatif: Komander, <i>Allied Democratic Forces</i> Kewarganega- raan: Uganda	Mengikut sumber terbuka dan laporan rasmi, termasuk laporan Kumpulan Pakar Jawatankuasa Sekatan <i>UNSC DRC</i> , En. Jamil Mukulu ialah ketua tentera <i>Allied Democaratic Forces (ADF)</i> , kumpulan bersenjata asing yang beroperasi di <i>DRC</i> yang menghalang pelucutan senjata dan repatriasi atau penempatan semula secara sukarela askar tempur <i>ADF</i> , seperti yang dijelaskan dalam perenggan 4(b) Ketetapan 1857 (2008).

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
		<p>Abdullah Junjuaka;</p> <p>Alibaki Kyagulanyi;</p> <p>Hussein Muhammad;</p> <p>Nicolas Luumu;</p> <p>Talengelanimiro;</p>			<p>Kumpulan Pakar Jawatankuasa Sekatan <i>UNSC DRC</i> telah melaporkan bahawa Mukulu telah memberikan kepimpinan dan sokongan material kepada <i>ADF</i>, suatu kumpulan tentera yang beroperasi di wilayah <i>DRC</i>.</p> <p>Mengikut pelbagai sumber, termasuk laporan Kumpulan Pakar Jawatankuasa Sekatan <i>UNSC DRC</i>, Jamil Mukulu juga terus menggunakan pengaruhnya ke atas dasar, memberikan bantuan kewangan, dan memegang pemerintahan dan kawalan secara langsung terhadap aktiviti-aktiviti angkatan <i>ADF</i> dalam medan, termasuk menyelia rangkaian pegganas antarabangsa.</p>
MUJYAMBERE	Leopold	Musenyeri Achille	17 Mac 1962, Kigali, Rwanda <i>Est.</i> 1966	Rakyat Rwanda Setakat Jun 2011, Komander sektor operasi Kivu Selatan	Komander Divisyen Kedua <i>FOCA/the Reserve Brigades</i> (cawangan senjata <i>FDLR</i>). Pemimpin tentera suatu kumpulan bersenjata asing yang beroperasi di Republik Demokratik Congo, yang menghalang pelucutan

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
		Frere Petrus Ibrahim		<p>yang sekarang dikenali sebagai 'Amazon' <i>FDLR-FOCA</i>.</p> <p>Berpangkalan di Nyakaleke (tenggara Mwenga, Kivu Selatan).</p>	<p>senjata dan repatriasi dan penempatan semula secara sukarela askar tempur, yang melanggar ketetapan Majlis Keselamatan 1857 (2008) OP 4 (b). Dalam keterangan yang dikumpulkan oleh Jawatankuasa Sekatan Kumpulan Pakar <i>UNSC DRC</i>, butiran dalam laporannya bertarikh 13 Februari 2008, gadis-gadis yang diselamatkan daripada <i>FDLR-FOCA</i> telah diculik dan dicabul secara seksual. Sejak pertengahan 2007, <i>FDLR-FOCA</i>, yang dahulunya merekrut budak-budak remaja lelaki dalam lingkungan umur pertengahan dan lewat remaja, telah merekrut secara paksa anak muda dari umur 10 tahun. Kanak-kanak muda digunakan sebagai pengiring dan kanak-kanak yang lebih tua sebagai tentera barisan hadapan, yang melanggar ketetapan Majlis Keselamatan 1857 (2008) OP4 (d) dan (e).</p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
MURWANASH-YAKA	Dr. Ignace	Ignace	14 Mei 1963, Butera (Rwanda) Ngoma, Butare (Rwanda)	Rakyat Rwanda Ditahan oleh pihak berkuasa Jerman pada 17 November 2009. Digantikan oleh Gaston Iamuremye, <i>alias</i> 'Rumuli' sebagai Presiden <i>FDLR-FOCA</i> . Perbicaraan Murwanashyaka bagi jenayah perang dan jenayah terhadap kemanusiaan yang dilakukan oleh tentera <i>FDLR</i> di <i>DRC</i> pada 2008	Presiden <i>FDLR</i> dan komander tertinggi angkatan tentera <i>FDLR</i> yang menggunakan pengaruh ke atas dasar, dan mengekalkan kuasa dan kawalan ke atas aktiviti angkatan tentera <i>FDLR</i> , salah satu daripada kumpulan bersenjata dan ketenteraan yang disebut dalam perenggan 20 Ketetapan 1493 (2003) yang terlibat dalam pengedaran senjata, yang melanggar embargo senjata. Berkomunikasi melalui telefon dengan komander perang tentera <i>FDLR</i> (termasuk semasa pembunuhan beramai-ramai di Busurungi pada Mei 2009); mengeluarkan arahan ketenteraan kepada komander tertinggi; terlibat dalam menguruskan pemindahan senjata dan peluru kepada unit-unit <i>FDLR</i> dan memberi arahan khusus bagi menggunakan; menguruskan jumlah wang yang besar yang dikumpul daripada penjualan

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
				dan 2009 bermula pada 4 Mei 2011 di mahkamah Jerman.	sumber asli secara haram dalam kawasan yang dikawal oleh <i>FDLR</i> . Mengikut Pejabat <i>SRS</i> bagi Kanak-Kanak dan Konflik Bersenjata, dia memegang tanggungjawab memerintah sebagai Presiden dan komander tentera <i>FDLR</i> bagi perekrutan dan penggunaan kanak-kanak oleh <i>FDLR</i> di Congo Timur.
MUSONI	Straton	IO Musoni	6 April 1961 (kemungkinan 4 Jun 1961) Mugambazi, Kigali, Rwanda	Rakyat Rwanda Ditahan oleh pihak berkuasa Jerman pada 17 November 2009 Perbicaraan Musoni bagi jenayah perang dan perang terhadap kemanusiaan yang dilakukan	Melalui kepimpinannya dalam <i>FDLR</i> , kumpulan bersenjata asing yang beroperasi di <i>DRC</i> , Musoni menghalang perlucutan senjata dan repatriasi atau penempatan semula secara sukarela askar tempur yang menganggotai kumpulan tersebut, yang melanggar ketetapan 1649 (2005).

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
				<p>oleh tentera <i>FDLR</i> di <i>DRC</i> pada 2008 dan 2009 bermula pada 4 Mei 2011 di mahkamah Jerman.</p> <p>Digantikan daripada menjadi Naib Presiden pertama <i>FDLR</i> oleh Sylvestre Mudacumura.</p>	
MUTEBUTSI	Jules	<p>Jules Mutebusi</p> <p>Jules Mutebuzi</p> <p>Colonel Mutebutsi</p>	1964, Minembwe Kivu Selatan	<p>Rakyat Congo</p> <p>Bekas Timbalan Komander Tentera Serantau <i>FARDC</i> bagi Tentera Wilayah Kesepuluh pada April 2004, dibuang kerja</p>	Menyertai tentera yang melarikan diri daripada bekas <i>RCD-G</i> untuk mengambil alih bandar Bukavu pada Mei 2004 secara paksaan. Terlibat dalam penerimaan senjata di luar struktur <i>FARDC</i> dan memberi bekalan kepada kumpulan bersenjata dan tentera yang disebut dalam perenggan 20 Ketetapan 1493 (2003), yang melanggar embargo

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
				<p>kerana masalah disiplin.</p> <p>Pada Disember 2007, dia ditahan oleh pihak berkuasa Rwanda apabila cuba menyeberangi sempadan untuk masuk ke dalam <i>DRC</i>. Sejak itu, dia tinggal dengan kebebasan terhad di Kigali (tidak dibenarkan meninggalkan negara).</p>	senjata.
NGARUYE MYAMURO	WA Baudoin	Colonel Baudoin NGARUYE	1 April 1978, Bibwe, <i>DRC</i>	Rakyat Congo Gelaran: pemimpin	Pada April 2012, Ngaruye mengarahkan pemberontakan oleh bekas anggota <i>CNDP</i> , yang dikenali sebagai <i>Mouvement du 23 Mars</i>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
			1978, Wilayah Lusamambo Lubero, DRC	<p>tentera <i>Movement du 23 Mars</i> (M23)</p> <p>Identiti FARDC : 1-78- 09-44621-80</p> <p>Alamat sekarang: Rubavu/Mudende, Rwanda;</p> <p>Pangkat: Bde Gen;</p> <p>Masuk ke Republik Rwanda pada 16/03/2013 di Gasizi/Rubavu</p>	<p>(M23), di bawah perintah Jeneral Ntaganda. Ketika ini dia ialah komander tentera berpangkat ketiga tertinggi dalam M23. Sebelum ini, Kumpulan Pakar DRC mengesyorkan beliau jawatan pada tahun 2008 and 2009. Dia bertanggungjawab bagi dan telah melakukan pelanggaran berat hak-hak asasi manusia dan undang-undang antarabangsa. Dia merekrut dan melatih beratus kanak-kanak antara 2008 dan 2009 dan pada akhir 2010 bagi M23. Dia telah melakukan pembunuhan, pencacatan dan penculikan, sering menjadikan wanita sebagai sasaran. Dia bertanggungjawab bagi pembunuhan dan penyeksaan orang yang melarikan diri daripada M23. Pada tahun 2009 dalam FARDC, dia telah memerintahkan untuk membunuh semua lelaki di kampung Shalio di Walikale. Dia juga membekalkan senjata, peluru dan gaji di Masisi dan Walikale di bawah arahan terus daripada Ntaganda.</p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
					<p>Pada 2010, dia telah merancang pemindahan paksa dan rampasan ke atas penduduk di kawasan Lukopfu. Dia juga terlibat secara berleluasa dalam rangkaian jenayah dalam <i>FARDC</i> dengan memperoleh keuntungan daripada perdagangan sumber galian yang membawa kepada ketegangan dan keganasan dengan Kolonel Innocent Zimurinda pada tahun 2011.</p>
NGUDJOLO	Mathieu, Chui	Cui Ngudjolo		<p>Ditahan oleh <i>MONUC</i> di Bunia pada Oktober 2003.</p> <p>Diserahkan oleh Kerajaan <i>DRC</i> kepada Mahkamah Jenayah Antarabangsa pada 7 Februari 2008.</p> <p>Dilepaskan</p>	<p>Ketua Staf <i>FNI</i> dan bekas Ketua Staf <i>FRPI</i>, yang menggunakan pengaruh ke atas dasar dan mengekalkan kuasa dan kawalan ke atas aktiviti angkatan tentera <i>FRPI</i>, salah satu daripada kumpulan bersenjata dan ketenteraan yang disebut dalam perenggan 20 Ketetapan 1493 (2003), yang bertanggungjawab bagi pengedaran senjata, yang melanggar embargo senjata.</p> <p>Mengikut Pejabat <i>SRSB</i> bagi Kanak-Kanak dan Konflik Bersenjata, dia</p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
				daripada semua tuduhan oleh ICC pada Disember 2012. Setelah dilepaskan daripada jagaan, telah ditahan oleh pihak berkuasa Belanda, dan telah memfailkan tuntutan bagi suaka di Netherlands.	bertanggungjawab dalam perekrutan dan penggunaan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun di Ituri pada 2006.
NJABU	Floribert Ngabu	Floribert Njabu Floribert Ndjabu Floribert Ngabu Ndjabu		Ditahan dan dikenakan tahanan dalam rumah di Kinshasa sejak Mac 2005 kerana penglibatan FNI dalam pelanggaran hak asasi manusia. Dipindahkan ke	Presiden FNI, salah satu daripada kumpulan bersenjata dan ketenteraan yang disebut dalam perenggan 20 Ketetapan 1493 (2003), terlibat dalam pengedaran senjata, yang melanggar embargo senjata.

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
				<p>The Hague pada 27 Mac 2011 untuk memberi keterangan dalam perbicaraan Germain Katanga dan Mathieu Ngudjolo di ICC.</p> <p>Memohon suaka di Netherlands pada Mei 2011. Pada Oktober 2012, mahkamah Belanda menolak tuntutan suakanya, kes ini sekarang dalam rayuan.</p>	
NKUNDA	Laurent	Nkunda Mihigo Laurent	6 Februari 1967 Kivu Utara/Rutshuru	Rakyat Congo Bekas Jeneral RCD-G.	Menyertai tentera yang melarikan diri daripada bekas RCD-G untuk mengambil alih Bukavu pada Mei 04 secara paksaan. Menerima senjata di

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
		<p>Laurent Nkunda Bwatare</p> <p>Laurent Nkundabatware</p> <p>Laurent Nkunda Mahoro Batware</p> <p>Laurent Nkunda Batware</p> <p>“Chairman”</p> <p>“General Nkunda”</p> <p>“Papa Six”</p>	2 Februari 1967	<p>Pengasas, <i>National Congress for the People’s Defense</i>, 2006;</p> <p>Pegawai Kanan, <i>Rally for Congolese Democracy-Goma (RCD-G)</i>, 1998-2006;</p> <p>Pegawai Rwanda <i>Patriotic Front (RPF)</i>, 1992-1998.</p> <p>Laurent Nkunda telah ditahan oleh pihak berkuasa Rwanda di Rwanda pada Januari 2009 dan digantikan sebagai</p>	<p>luar FARDC yang melanggar embargo senjata.</p> <p>Mengikut Pejabat SRSG bagi Kanak-Kanak dan Konflik Bersenjata, dia bertanggungjawab bagi 264 kes perekrutan dan penggunaan kanak-kanak oleh askar di bawah kepimpinannya di Kivu Utara dari 2002 hingga 2009.</p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
				<p>komander <i>CNDP</i>. Sejak itu, dia dikenakan tahanan dalam rumah di Kigali, Rwanda.</p> <p>Permintaan Kerajaan <i>DRC</i> untuk mengekstradisi Nkunda bagi jenayah yang dilakukan di timur <i>DRC</i> telah ditolak oleh Rwanda.</p> <p>Pada 2010, rayuan Nkunda berhubung tahanan secara menyalahi undang-undang telah ditolak oleh mahkamah</p>	

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
				<p>Rwanda di Gisenyi, yang membuat keputusan bahawa perkara ini harus diperiksa oleh mahkamah tentera. Peguam Nkunda telah memulakan prosedur dengan Mahkamah Tentera Rwanda.</p> <p>Mengekalkan pengaruh terhadap unsur tertentu <i>CNDP</i>.</p>	
NSANZUBUKIRE	Felicien	Fred Irakeza	1967 Murama, Kinyinya, Rubungo,	Rakyat Rwanda Ketua Batalion Pertama <i>FDLR-FOCA</i> , berpangkalan di	Felician Nsanzubukire mengawal selia dan menyelaraskan pendedaran peluru dan senjata antara sekurang-kurangnya November 2008 dan April 2009 dari Republik Bersatu Tanzania, melalui Tasik Tanganyika,

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
			Kigali, Rwanda	kawasan Uvira-Sange di Kivu Selatan Ahli <i>FDLR</i> sejak sekurang-kurangnya 1994 dan beroperasi di timur <i>DRC</i> sejak Oktober 1998. Setakat Jun 2011, berpangkalan di Magunda, wilayah Mwenga, Kivu Selatan.	ke unit-unit <i>FDLR</i> berpangkalan di Uvira dan kawasan Fizi di Kivu Selatan.
NTAWUNGUKA	Pacifique	Colonel Omega Nzeri Israel Pacifique	1 Januari 1964, Gaseke, Wilayah Gisenyi, Rwanda <i>Est.</i> 1964	Rakyat Rwanda Komander, Sektor Operasi Kivu Utara 'SONOKI' daripada <i>FDLR-FOCA</i> .	Komander Divisyen Pertama <i>FOCA</i> (cawangan bersenjata <i>FDLR</i>). Pemimpin tentera suatu kumpulan bersenjata asing yang beroperasi di Republik Demokratik Congo, menghalang pelucutan senjata dan repatriasi dan penempatan semula secara sukarela askar tempur, yang

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
		Ntawungula		<p>Setakat Jun 2011, berpangkalan di Matembe, Kivu Utara.</p> <p>Memperoleh latihan ketenteraan di Mesir</p>	<p>melanggar ketetapan Majlis Keselamatan 1857 (2008) OP 4 (b). Dalam keterangan yang dikumpul oleh Jawatankuasa Sekatan Kumpulan Pakar <i>UNSC DRC</i>, seperti yang terkandung dalam laporannya bertarikh 13 Februari 2008, gadis-gadis yang diselamatkan daripada <i>FDLR-FOCA</i> dahulunya diculik dan dicabul secara seksual. Sejak pertengahan 2007, <i>FDLR-FOCA</i>, yang dahulunya telah merekrut budak-budak lelaki dalam peringkat pertengahan hingga lewat remaja, telah merekrut budak-budak muda secara paksa dari umur 10 tahun. Kanak-kanak muda digunakan sebagai pengiring, dan kanak-kanak yang lebih tua digunakan sebagai askar barisan hadapan, yang melanggar ketetapan Majlis Keselamatan 1857 (2008) OP4 (d) dan (e).</p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
NYAKUNI	James			Rakyat Uganda	Perkongsian perdagangan dengan Jerome Kakwavu, khususnya penyeludupan merentasi sempadan <i>DRC/Uganda</i> , termasuk disyaki terlibat dalam penyeludupan senjata dan bahan ketenteraan dalam trak yang tidak diperiksa. Pelanggaran embargo senjata dan pemberian bantuan kepada kumpulan bersenjata dan ketenteraan yang disebut dalam perenggan 20 Ketetapan 1493 (2003), termasuk bantuan kewangan yang membolehkan mereka beroperasi secara ketenteraan.
NZEYIMANA	Stanislas	Deogratias Bigaruka Izabayo Bigaruka Bigurura Izabayo Deo	1 Januari 1966, Mugusa (Butare), Rwanda <i>Est.</i> 1967 Tarikh lahir alternatif 28 Ogos 1966	Rakyat Rwanda Timbalan Komander <i>FDLR-FOCA</i> Setakat Jun 2011, berpangkalan di Mukoberwa,	Timbalan Komander <i>FOCA</i> (cawangan bersenjata <i>FDLR</i>). Pemimpin tentera suatu kumpulan bersenjata asing yang beroperasi di Republik Demokratik Congo, yang menghalang pelucutan senjata dan repatriasi dan penempatan semula secara sukarela askar tempur, yang melanggar ketetapan Majlis Keselamatan 1857 (2008) OP 4 (b).

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
		Jules Mateso Mlamba		Kivu Utara	Dalam bukti yang dikumpulkan oleh Jawatankuasa Sekatan Kumpulan Pakar <i>UNSC DRC</i> , seperti yang terkandung dalam laporannya pada 13 Februari 2008, gadis-gadis yang diselamatkan daripada <i>FDLR-FOCA</i> dahulunya telah diculik dan dicabul secara seksual. Sejak pertengahan 2007, <i>FDLR-FOCA</i> , yang dahulunya merekrut budak-budak lelaki dalam umur pertengahan hingga lewat remaja, telah merekrut remaja secara paksa dari umur 10 tahun. Kanak-kanak muda digunakan sebagai pengiring, dan kanak-kanak yang lebih tua digunakan sebagai tentera barisan hadapan, yang melanggar ketetapan Majlis Keselamatan 1857 (2008) OP4 (d) dan (e).
OZIA MAZIO	Dieudonné	Ozia Mazio 'Omari' 'Mr Omari'	6 Jun 1949, Ariwara	Rakyat Congo Semasa presiden <i>Fédération des</i>	Pengaturan kewangan dengan Jerome Kakwavu dan <i>FAPC</i> dan penyeludupan merentasi sempadan <i>DRC/Uganda</i> , membenarkan bekalan dan wang tunai tersedia kepada

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
				<i>enterprises congolaises (FEC)</i> dalam wilayah Aru, Dieudonné Ozia Mazio dipercayai meninggal dunia di Ariwara pada 23 September 2008.	Kakwavu dan tenteranya. Pelanggaran embargo senjata, termasuk memberikan bantuan kepada kumpulan bersenjata dan tentera yang disebut dalam perenggan 20, Ketetapan 1493 (2003).
RUNIGA	Jean-Marie Lugerero	Jean-Marie Rugerero	Anggaran pada tahun 1960 9 September 1966, Bukavu, DRC	Alamat sekarang: Rubavu/ Mudende; Rwanda Presiden M23, Memasuki Republik Rwanda pada 16 Mac 2013, di Gasizi /Rubavu	Suatu dokumen bertarikh 9 Julai 2012 yang ditandatangani oleh pemimpin M23, Sultani Makenga menamakan Runiga sebagai penyelaras sayap politik M23. Mengikut dokumen itu, pelantikan Runiga disebabkan oleh keperluan untuk memastikan kebolehlihatan tindakan M23. Runiga dinamakan sebagai 'Presiden' M23 dalam pengumuman di laman web kumpulan. Peranan kepimpinannya disokong oleh laporan Kumpulan Pakar pada

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
					<p>November 2012, yang merujuk Runiga sebagai 'pemimpin M23'. Mengikuti artikel <i>Associated Press</i> pada 13 Disember 2012, Runiga telah menunjukkan kepada <i>Associated Press</i> senarai tuntutan yang dinyatakan akan dikemukakan kepada Kerajaan Congo. Termasuk dalam tuntutan itu adalah perletakan jawatan Kabila dan pembubaran perhimpunan kebangsaan. Runiga menyatakan sekiranya diberikan peluang, M23 boleh mengambil semula Goma. "Dan pada masa ini kami tidak akan berundur," Runiga memberitahu <i>Associated Press</i>. Dia juga menyatakan bahawa cawangan politik M23 sepatutnya mengambil semula kawalannya ke atas Goma sebagai prasyarat kepada rundingan. "Saya berpendapat anggota kita di Kampala mewakili kita. Tidak berapa lama lagi saya akan ke sana, juga. Saya sedang menunggu supaya perkara dapat diatur dan apabila</p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
					<p>Kabila ke sana, saya juga akan pergi," kata Runiga.</p> <p>Mengikut artikel <i>Le Figaro</i> pada 26 November 2012, Runiga berjumpa dengan Presiden <i>DRC</i> Kabila pada 24 November 2012 untuk memulakan rundingan. Secara berasingan, dalam temu bual dengan <i>Le Figaro</i>, Runiga menyatakan, "M23 terdiri terutamanya daripada bekas anggota tentera <i>FARDC</i> yang berpaling tadah kerana membantah ketidakhormatan persetujuan 23 Mac 2009". Beliau menambah, "tentera M23 adalah pembolos daripada tentera yang meninggalkan senjata mereka bersama. Baru-baru ini, kami mendapat balik banyak peralatan dari pangkalan tentera di Bunagana. Pada ketika ini, ini membolehkan kami untuk mendapatkan semula wilayah setiap hari dan menangkis semua serangan daripada <i>FARDC</i>. Revolusi kami untuk rakyat Congo dipimpin oleh</p>

NAMA KELUARGA	NAMA PERTAMA	NAMA TAMBAHAN	TARIKH LAHIR/ TEMPAT LAHIR	PASPORT/ MAKLUMAT PENGENALAN	JAWATAN/ JUSTIFIKASI
